

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home &gt; Berita Harian &gt; 2 August 1971 &gt; Page 7 &gt; Derama karangan Zain Mahmud: Kasehan penonton2 yang tak mengerti

## Derama karangan Zain Mahmud: Kasehan penonton2 yang tak mengerti

Berita Harian, 2 August 1971, Page 7

Article also available on Microfilm Reel NL6788

★ Add to Citation

&lt; Previous Article

Next Article &gt;

&lt; Previous Page

Next Page &gt;

# Derama karangan Zain Mahmud: Kasehan penonton2 yang tak mengerti

SAYA ada-lah peminat derama TV, terutama-nya kalau derama TV itu hasil karya dari saudara Zain Mahmud.

Memang tidak dapat di-nafikan, derama2 karya Zain Mahmud sa-jauh ini, bukan semua-nya, adalah bermutu. Di-samping mutu-nya yang baik, derama2 itu dapat di-fahami dan di-nikmati oleh masyarakat dari semua golongan.

Pada hari Selasa, 20 Julai, Melalui TV Singapura saluran 8, jam 8.30 malam, satu lagi derama karya Zain Mahmud mendapat tempat. Derama itu berjudul "Sa-hidup Sa-mati".

Kali ini karya saudara Zain Mahmud mengechewakan.

Bukan sahaja derama "Sa-hidup, Sa-mati" mengechewakan saya sa-bagai peminat tulin, tetapi sa-bilangan besar penonton yang menonton-nya sa-bagai hiburan.

### Information

Newspaper:  
Berita HarianDate:  
2 August 1971Reel Number:  
NL6788

Share

### Table of Contents

&lt; Previous | Page 7 | Next &gt;

**Anugerah 'Jasawan': Tokoh2 lain Juga patut di-kenang dan di-abadikan**


Anugerah 'Jasawan': Tokoh2 lain Juga patut di-kenang dan di-abadikan MEGA DONA Oleh (JELARAN)

**Derama karangan Zain Mahmud: Kasehan penonton2 yang tak mengerti**

Derama karangan Zain Mahmud: Kasehan penonton2 yang tak mengerti CAYA ada-lah peminat derama TV.

**Tarian 'panas' yang tak sesuai**

[View Full Table of Contents >](#)




Untuk menentukan tinjauan saya itu betul dan adil, saya chuba pula tinjau pandangan sa-bilangan orang yang telah menonton derama tersebut. Ada yang mengatakan "ta'da maana", "entah apa2".

Ma'af saudara Zain Mahmud.



Derama karya Zain Mahmud "Sa-hidup, samati" bukan sahaja tidak realistis, membosankan tetapi yang lebeh2 tidak di-ingin derama itu tidak dapat di-nikmati oleh ramai penonton TV.



Walau pun pada mula2-nya saya beria2 benar menonton derama tersebut (memang siang2 lagi saya sudah menanti) dan merasa pada mulanya saya berada dalam keadaan "suspense", sayang sekali keadaan bagini dengan sekelip mata sahaja hilang. Timbul pula perasaan bosan. Walau pun demikian saya terus menonton.


Derama "Sa-hidup, Samati" merupakan satu kejadian yang terlalu ringkas dan tidak ada hujung pangkal-nya.

Kejadian2 yang di-tunjokkan tidak realistik.

Perhubungan talipon antara Rahman dengan **Nora** terlalu lama, me-

ngambil masa 25 minit.


Perbulan dalam talipon (trunk Call), entah apa2 juga.



Keadaan begini ta' mungkin boleh berlaku.

Bagaimana sa-orang perempuan berada dalam rumah sa-orang diri, di waktu malam dan di-situ juga terbaring suaminya di-pukul kepala-nya dan pengsan, ia dapat pula menalipon kepada kekaseh-nya dan berhubung begitu lama. Nora telah berlakon berlebeh-an.

Lebeh2 lagi tidak lojik, apabila Nora berhubung sa-mula dengan Rahman, sa-telah Nora melakukan pembunuhan ka-ata s suaminya atas arahan Rahman dan sa-terusnya menerima arahan2 Rahman sa-lanjut-nya.



Mengakhiri cheritanya, Zain Mahmud mengadakan satu adegan di-mana Rahman, sa-telah perhubungan talipon dengan Nora, telah menalipon polis.



in memberitakanu polis tentang kejadian pembunuhan itu dan di-mana kejadian itu berlaku.

Nampak-nya dalam cherita ini, polis tidak pun meminta "particulars" mengenai diri sa-pemberitahu.

Mungkin saudara Zain Mahmud tidak begitu tahu tentang kes2 pembunuhan.

Begitu juga mengapa isteri Rahman (mungkin), tidak ada bersamanya sa-masa ia menalipon.

Mengikut cherita derama itu, ia tahu Rahman menerima talipon dan berhubong begitu lama dan ia churiga kalau2 yang menalipon suami-nya sa-orang perempuan.

Saudara Zain Mahmud mungkin berjaya mengadakan keadaan "suspense" dalam cherita Sa-Hidup Sa-Mati", tetapi keadaan bagini dapat di-adakan sa-kejap sahaja.

Begitu juga falsafah dalam cherita itu mungkin agak baik tetapi terlalu tinggi.

Mungkin Zain Mahmud sahaja yang dapat memahaminya.

Kasehan penonton2, mereka sungoh2 merasa hampa.

Di-sini-lah menjadi-kan derama "Sa-hidup, sa-Mati" hilang mutunya. **BUDI HATI S'pura 15.**

## Related Articles



### Derama Dr. Samsi: Ramai kechewa

*Berita Harian 20 February 1972*

Derama Dr. Samsi: Ramai kechewa AZMI MAHMUD Pementasan cherita2 lama b...

### Derama di-tulis utk di-lakun dan di-nikmati ramai

*Berita Harian 2 April 1972*

Derama di-tulis utk di-lakun dan di-nikmati ramai A. GHANI SURATMAN DL...

### Tahniah pada Penerbit dan Pengarang

*Berita Harian 11 October 1971*

Tahniah pada Penerbit dan Pengarang CAYA baharu2 mi berpeluang dapat m...